



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN PENGURUSAN HASIL
TINGKAT 14, BLOK 9
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA
50600 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-62091000
Faks: 03-62039592
Laman Web: www.hasil.org.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 23 Mei 2008

Pengarah Eksekutif,
Institut Percukaian Malaysia (MIT)
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Tuan / Puan,

MINIT MESYUARAT WORKING GROUP DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN – DESIRE – BIL. 2/2008

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dikemukakan minit mesyuarat *Working Group* di antara LHDNM dengan Persatuan Akauntan - DESIRE Bil. 2/2008 yang telah diadakan pada 14 Mei 2008.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN"**



[PUTEH MARIAH BINTI HARUN]

Timbalan Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

MS/SP/ADM/working group

**MINIT MESYUARAT WORKING GROUP DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN
DESIRE - BIL. 2/2008**

Tarikh: 14 Mei 2008 (Rabu)
 Masa: 4.00 petang
 Tempat: Bilik Mesyuarat Aras 18,
 Jabatan Pemprosesan
 Menara C, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama,
 Pandan Indah, Kuala Lumpur

Kehadiran:

1.	Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (Pengerusi)
2.	Encik Sait @ Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil
3.	Encik Sabin @ Sapilin Bin Samitah	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan
4.	Puan Asriah Bt. Shaari	Pengarah Negeri Selangor
5.	Puan Salmah Bt. Kasim	Pengarah Jabatan Undang-Undang
6.	Cik Halijah Bt. Bulat	Pengarah Jabatan Teknikal
7.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Pengurusan Hasil
8.	Encik Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pemprosesan
9.	Encik Sani Bin Mohd Taib	Pengarah Bahagian Aplikasi e-Services Jabatan Teknologi Maklumat
10.	Encik Azhar Bin Husin	Pengarah Bahagian Pungutan Jabatan Pengurusan Hasil

11.	Cik Norhayati Bt. Mat Kassim	Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil
12.	Puan Umi Kalsom Bt. Harun	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pungutan Jabatan Pengurusan Hasil
13.	Encik Tan Sin Huat	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Duti Setem Jabatan Pengurusan Hasil
14.	Encik Md Seniman Bin Selamat	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil (Urus setia)
Wakil Persatuan Akauntan		
15.	Dr. Veerinderjeet Singh	Malaysian Institute of Taxation (MIT)
16.	Encik Khoo Chin Guan	MIT
17.	Encik Lai Soon Ean	MIT
18.	Encik Lim Kok Seng	MIT
19.	Y. Bhg. Dato' Raymond Liew Lee Leong	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
20.	Encik Sam Soh Siong Hoon	MIA
21.	Cik Cheong Li Wei	MIA
22.	Puan Azlina Bt. Zakaria	MIA
23.	Puan Melissa Yeoh	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
24.	Puan Theresa Goh	MICPA
25.	Encik Tang Chin Fook	MICPA

26.	Encik Mohamed Zamani Bin Ismail	Malaysian Association of Tax Agents (MATA)
27.	Encik Mohd Zulkhibri Bin Abd Rashid	MATA
28.	Cik Suriandy Bt. Samsudin	MATA
29.	Encik Peter Lim	Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA)
30.	Cik Janet Amy	MAICSA
31.	Cik Chin Woon Li	MAICSA
32.	Encik Lau Haw Chong	Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)

BIL	PERKARA
1.	<p>Pendahuluan</p> <p>Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan selamat petang dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat. Seterusnya beliau memperkenalkan wakil daripada LHDNM selepas Dr Veerinderjeet memperkenalkan wakil Persatuan Akauntan. Encik Mohammed Noor, Pengarah Jabatan Pemprosesan memaklumkan lawatan ahli mesyuarat ke Pusat Pemprosesan yang diadakan sebelum mesyuarat.</p>
2.	<p>Program Memfail Borang Nyata Tahun Taksiran 2008</p> <p>2.1 Persatuan Akauntan mencadangkan <i>timeline</i> berhubung dengan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. e-Filing individu dan perkongsianii. e-Filing syarikatiii. modul e-Filing ejen cukai. <p>Cadangan tersebut terkandung dalam memorandum bersama MIT, MIA dan MICPA bertarikh 14.5.2008 (Lampiran A).</p> <p>2.2 Mesyuarat dimaklumkan LHDNM akan mengkaji cadangan <i>timeline</i> yang dikemukakan oleh Persatuan Akauntan.</p> <p>2.3 LHDNM memaklumkan bahawa draf pertama reka bentuk Borang Nyata B dan BE Tahun Taksiran 2008 dijangka siap pada 30 Jun 2008. Borang nyata tersebut dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2008.</p> <p>2.4 Persatuan memaklumkan bahawa reka bentuk Borang Nyata B dan BE bagi tahun taksiran 2007 tidak menimbulkan kesulitan kepada pembayar cukai.</p> <p>2.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Helaian Kerja (HK) dalam nota penerangan tidak wajib dihantar kecuali HK3 bagi tuntutan bayaran balik seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967.</p> <p>2.6 LHDNM akan mengkaji cadangan Persatuan Akauntan supaya memasukkan HK3 dalam sistem e-Filing.</p> <p>2.7 LHDNM bersetuju dengan cadangan persatuan supaya sebarang prosedur baru berhubung pembayar cukai dan ejen cukai dimasukkan dalam laman web.</p> <p>2.8 Mesyuarat dimaklumkan bahawa sistem e-Filing bagi e-BE, e-B, e-M dan e-P Tahun Taksiran 2008 akan mula disediakan pada bulan Julai 2008. Ia dijangka siap pada bulan November 2008.</p>

3. IT Subworking Group (ITSWG)

- 3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa *subworking group* telah ditubuhkan bagi menangani dan menyelesaikan isu berhubung teknologi maklumat. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil LHDNM, persatuan akauntan dan penyedia perisian (*software provider*).
- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu mesyuarat dengan penyedia perisian bagi ejen cukai telah diadakan pada 13.5.2008 bagi membincangkan cadangan kaedah *interface* di antara sistem yang disediakan oleh penyedia perisian dan sistem e-Filing.
- 3.3 Cadangan untuk memudahkan pemindahan data tanpa *data entry* telah dibincangkan pada mesyuarat berkenaan. Kaedah berikut sedang dipertimbangkan:
 - i. *System Integration* – penyediaan kemudahan bagi membolehkan pemindahan data dari sistem aplikasi yang digunakan oleh ejen cukai terus ke sistem e-Filing.
 - ii. *Text file* – menyediakan kemudahan bagi pemindahan data melalui proses *batch*.
- 3.4 Y. Bhg. Dato' pengurus menyatakan bahawa LHDNM akan mengkaji cadangan di atas dari berbagai aspek termasuk aspek perundangan.
- 3.5 Encik Sani diminta membuat pembentangan berhubung dengan cadangan sistem di atas pada mesyuarat *Working Group* akan datang.

4. Set-off baki kredit

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Persatuan Akauntan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya pilihan menggunakan baki kredit untuk *set-off* bayaran ansuran cukai atau memilih untuk bayaran balik, dimasukkan dalam borang nyata. LHDNM memaklumkan bahawa jumlah pembayar cukai yang memilih *set-off* baki kredit adalah tidak ramai. Oleh itu, cadangan untuk memasukkan pilihan *set-off* dalam sistem adalah tidak sesuai.
- 4.2 Mesyuarat mencadangkan supaya pilihan *set-off* diberi dalam sistem e-Filing. Ia adalah merupakan insentif kepada pembayar cukai yang menggunakan perkhidmatan e-Filing pada tahun hadapan. Bagaimanapun, LHDNM akan membuat kajian berhubung dengan cadangan tersebut.


5.	<p>e-Filing</p> <p>5.1 LHDNM akan menambah baik prosedur dan sistem e-Filing 2008.</p> <p>5.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa bayaran cukai boleh dibuat melalui sistem e-Bayaran.</p>
6.	<p>Modul e-Filing Ejen Cukai</p> <p>6.1 Isu berhubung modul e-Filing ejen cukai seperti dalam memorandum akan dikaji oleh LHDNM. Isu akan dibincangkan dalam mesyuarat ITSWG akan datang.</p>
7.	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>7.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat firma ejen cukai yang tidak menggunakan e-Filing semasa memfailkan borang nyata pelanggan, walaupun LHDNM telah berusaha untuk mempromosi dan menyediakan modul e-Filing ejen cukai pada tahun ini.</p> <p>7.2 Persatuan Akauntan memaklumkan mungkin firma yang mempunyai pelanggan yang ramai menghadapi masalah menggunakan e-Filing. Pelanggan juga kadangkala lewat mengemukakan maklumat kepada ejen cukai. Bagaimanapun, persatuan bersetuju bahawa dengan penambahbaikan yang dibuat dan pendidikan cukai diberi kepada pelanggan, pengguna e-Filing akan meningkat pada masa hadapan.</p> <p>7.3 LHDNM akan mengkaji semula reka bentuk borang E 2008. LHDNM juga perlu mengkaji keperluan maklumat dan permintaan daripada pembayar cukai. Mesyuarat mengambil maklum bahawa perlu ada mekanisme untuk menyemak jumlah Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang tidak diremit oleh majikan ke LHDNM. Contohnya dalam kes majikan membuat potongan PCB tetapi tidak meremit bayaran kepada LHDNM.</p> <p>7.4 Mesyuarat <i>Working Group</i> seterusnya akan diadakan pada pertengahan bulan Julai 2008.</p> <p>7.5 Persatuan Akauntan diminta mengemukakan isu perbincangan selewatnya dua minggu sebelum mesyuarat.</p>

8.	Penutup Y. Bhg. Dato' Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menamatkan mesyuarat pada pukul 5.10 petang.
----	--

Disediakan oleh:


.....
(Md Semiman bin Selamat)
Bahagian Operasi, JPH

Disahkan oleh:


.....
(Y. Bhg. Dato' Mohd. Shukor bin Hj. Mahfar)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)